

BA643

R GB 08-11 00241

B_@ah

MAHKAMAH: SEBAHAGIAN PINDAAN PERLEMBAGAAN KELANTAN TIDAK SAH
Mahkamah - Kelantan

I

KUALA LIJMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini hari ini memutuskan bahawa sebahagian pindaan Perlembagaan Negeri Kelantan yang melarang anggotanya bertukar parti adalah tidak sah dan ia bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Hakim Datuk Eusoff Chin berkata, pindaan itu - perkara 31A bahagian satu perlembagaan negeri itu - adalah tidak sah kerana ia menyekat hak mutlak seseorang anggota Dewan Undangan Negeri daripada berhenti menganggotai sesebuah parti politik.

Hakim itu berkata, Dewan Undangan Negeri tidak mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan sedemikian dan hanya Parlimen sahaja yang boleh berbuat demikian menurut Perlembagaan Persekutuan.

Perkara 31A bahagian satu Perlembagaan Negeri Kelantan menyebut bahawa jika seseorang anggota Dewan Undangan Negeri, yang menjadi anggota sebuah parti politik menamatkan keanggotaannya daripada parti itu, beliau akan terhenti menjadi anggota dan kerusinya akan diisytiharkan kosong.

Hakim Datuk Eusoff Chin membuat perintah itu bagi anggota Dewan Undangan Negeri Kelantan yang dipecat, Haji Nordin Salleh dan Haji Wan Mohamad Najib Wan Mohamad. Mereka diwakili oleh Encik Zaki Tun Azmi dan Cik Juliana Solomon.

Selepas memberi keputusannya, hakim itu berkata beliau akan mendengar pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian, permohonan Haji Nordin dan Haji Wan Najib, bagi mendapatkan perisytiharan bahawa pindaan itu tidak berkuatkuasa dan tidak menjejaskan hak mereka untuk terus menjadi wakil yang dipilih masing-masing bagi kawasan Sungai Pinang dan Limbongan. -- Lagi.

♥09/11/10-16MST

U GB 08-11 00179 BA644

Bah

Mahkamah - Kelantan 2 Kuala Lumpur

Haji Nordin dan Haji Wan Mohamad Najib telah meminta perisytiharan bahawa pindaan itu, yang diluluskan pada 25 April dengan tarikh kuatkuasanya dikebelakangkan, adalah tidak berkuatkuasa dan tidak sah kerana ia bercanggah dengan perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan.

Hakim Datuk Eusoff berkata, Perkara 10(1)(c) memberi jaminan kepada seseorang warganegara untuk menubuhkan persatuan dan rangkai kata itu telah ditafsirkan sebagai hak bagi seseorang warganegara untuk menubuhkan, menyertai atau tidak menyertai sesuatu persatuan atau berhenti daripada menganggotai sesebuah persatuan.

Katanya, kesan yang tidak dapat dielakkan daripada perkara 31A Perlembagaan Negeri Kelantan itu ialah untuk menyekat hak seseorang anggota sebuah parti politik untuk berhenti menganggotai partinya dan kerana itu, ia tidak sah setakat ia mengenakan sekatan itu.

Hakim itu berkata, menurut Perkara 4(1) Perlembagaan Persekutuan, sebarang undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka, yang tidak selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, adalah batal dan tidak sah.

Katanya, pindaan itu juga menyatakan tentang seseorang anggota sebuah parti politik yang dipecat oleh parti berkenaan. -- Lagi.

♥08/11/19-59MST

CNS0559

U GB 08-11 00148 BA646

Bah

Mahkamah - Kelantan 3 Kuala Lumpur

+Pemecatan itu sudah tentu bukan hak mutlak seseorang warganegara dan pemecatan berkenaan masih sah,+ kata Hakim itu.

Katanya, rangkai kata dalam perkara itu...+berhenti daripada menjadi anggota parti berkenaan atas sebab apa sekali pun... beliau juga perlu mengosongkan kerusinya dalam Dewan+, termasuklah bersara dan setakat itu, perkara itu tidak sah.

+Ia bukan tidak sah sepenuhnya... sebahagian daripadanya kerana ia menghalang anggota dewan melaksanakan hak mereka menurut Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan,+ katanya.

Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Kelantan, Haji Idris Othman, memberitahu mahkamah bahawa negeri itu akan mengemukakan rayuan terhadap keputusan itu. Yang turut hadir bersama beliau ialah peguam Encik Zainur Zakaria dan Encik Zulkifli Nordin.

Haji Nordin dan Haji Wan Mohamad Najib menamakan Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Speakernya sebagai defendan dalam saman mereka untuk mendapatkan perisytiharan itu. -- Lagi.

♥08/11/20-09MST

CNS0561

U GB 08-11 00128 BA647

Bah

Mahkamah - Kelantan 4 (Akhir) Kuala Lumpur

-- Pada 3 Julai, Dewan itu mengisytiharkan kekosongan kerusi bagi kawasan Sungai Pinang dan Limbongan selepas meluluskan satu usul untuk memecat Haji Nordin dan Haji Wan Najib, yang telah menyertai UMNO, selaras dengan pindaan pada 25 April yang melarang perbuatan bertukar parti.

Mereka berdua memenangi kerusi itu pada pilihan raya umum Oktober tahun lepas atas tiket Parti Semangat 46. Mereka bertanding semula pada pilihan raya kecil 24 Ogos lepas atas tiket Barisan Nasional tetapi tewas.

Hanya Haji Nordin yang hadir pada perbincangan hari ini.

Hakim Datuk Eusoff telah menangguhkan keputusan itu ke hari ini selepas mendengar hujah daripada peguam kedua-dua pihak selama dua hari pada minggu lepas. -- Bernama.

♥08/11/20-11MST